

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dalam jadual kadar kematian di seluruh Malaysia dari Oktober 2019 - Oktober 2021, kategorikan mengikut diagnosis, dan perbandingan kadar peningkatan sejak tahun 2015 untuk tempoh yang sama dan jika ada pertambahan, adakah ia disebabkan kes COVID-19 yang mungkin tidak dikesan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi tempoh **Oktober 2020 hingga September 2021**, analisis awalan **kadar kematian di seluruh Malaysia** menunjukkan sebanyak **200,979** kematian telah direkodkan dengan kadar kematian **615.45 bagi setiap 100,000 penduduk**. Bagi tempoh **Oktober 2015 hingga September 2016** pula, analisis awalan **kadar kematian di seluruh Malaysia** menunjukkan sebanyak **160,972** kematian telah direkodkan dengan kadar kematian **508.87 bagi setiap 100,000 penduduk**. (Rujuk Jadual 2 untuk statistik kematian di seluruh Malaysia bagi tempoh Oktober hingga September tahun 2015 sehingga 2021).

2. Data tersebut menunjukkan ada peningkatan bilangan dan kadar kematian berbanding tempoh yang sama pada lima (5) tahun sebelumnya.

3. Bagi tempoh **Oktober 2020 hingga September 2021**, catatan kes kematian akibat COVID-19 yang dilaporkan adalah 25,799 kematian dengan kadar kematian **79.00 bagi setiap 100,000 penduduk**. Rujukan bagi catatan kes kematian akibat COVID-19 yang dilaporkan adalah dari Github MoH Malaysia.

4. Merujuk kepada Jadual 1, rumusannya **TIDAK ADA** kes COVID-19 yang tidak dikesan sebelum ini kerana perbandingan bilangan kematian untuk tempoh **Oktober 2015 - September 2016** dan **Oktober 2020 - September 2021** berjumlah **40,007**, manakala kematian COVID-19 yang direkodkan untuk tempoh Oktober 2020-September 2021 adalah hanya **25,799 kematian**.

Jadual 1: Bilangan dan Kadar Kematian Seluruh Malaysia

	Oktober 2020 hingga September 2021	Oktober 2015 hingga September 2016	Perbezaan antara dua tempoh
Bilangan kematian di seluruh Malaysia	200,979	160,972	40,007
Kadar kematian bagi setiap 100,000 penduduk	615.45	508.87	106.58

Jadual 2: Bilangan dan Kadar Kematian COVID-19 Seluruh Malaysia

	Oktober 2020 hingga September 2021	Perbandingan dengan peningkatan kes untuk Okt'20 hingga Sept'21	Perbezaan
Bilangan kematian yang dilaporkan akibat COVID-19 di seluruh Malaysia	25,799	40,007	14,208

SOALAN NO : 165

Kadar kematian akibat COVID-19 yang dilaporkan bagi setiap 100,000 penduduk	79.00	106.56	27.56
---	-------	--------	-------

Jadual 2

**Bilangan Kematian dan Kadar Kematian di Seluruh Malaysia,
Bagi Tempoh Oktober hingga September, 2015-2021**

Tempoh	Bilangan Kematian	Penduduk*		Kadar Kematian (Setiap 100,000 Penduduk)
		Tahun	Bilangan ('000)	
Okt 2015-Sept 2016	160,972	2016	31,633.5	508.89
Okt 2016-Sept 2017	165,937	2017	32,022.6	518.19
Okt 2017-Sept 2018	170,902	2018	32,382.3	527.76
Okt 2018-Sept 2019	172,444	2019	32,523.0	530.22
Okt 2019-Sept 2020	174,489	2020	32,584.0	535.51
Okt 2020-Sept 2021	200,979^P	2021	32,655.4	615.45

Nota:

1. *Data 2016-2021 merujuk anggaran penduduk semasa (Jabatan Perangkaan Malaysia).
2. P adalah data awalan (*preliminary*) yang dianggarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berdasarkan sumber data Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia

Sekian, terima kasih.